

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98**

September 1997

**FTF 121 - Praktis Farmasi I
(Teori)**

Masa: 1 1/2 jam

Kertas ini mengandungi **TIGA (3)** soalan dan 4 muka surat yang bertaip.

Jawab semua soalan.

Soalan 1 adalah wajib dan mesti dijawab di atas skrip yang disediakan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

.....2/-

- I. (A) Jawab semua soalan dengan menandakan (✓) bagi pernyataan yang benar dan (X) bagi pernyataan yang tidak benar. Sebahagian markah akan ditolak bagi jawapan yang salah.
1. () Musilag tragakan dan metil selulosa digunakan sebagai agen pengampai oleh kerana sifatnya yang boleh meningkatkan kelikatan medium penyebar.
 2. () Ampaian yang diperbuat menggunakan agen pengampai natrium alginat tidak stabil pada pH 2.
 3. () Bentonit dan kaolin adalah agen pengampai jenis tanah liat.
 4. () Bahan serbuk yang bersifat hidrofilik memerlukan agen pembasah sebelum boleh dicampurkan dengan pembawa ampaian.
 5. () Agen pengemulsi yang mempunyai nilai HLB 3-6 bersifat hidrofilik dan membentuk emulsi minyak dalam air.
 6. () Kapsul keras boleh digunakan untuk mengisi campuran sediaan minyak.
 7. () Levigasi ialah suatu kaedah untuk mencampurkan serbuk dengan serbuk dalam jumlah yang kecil.

.....3/-

(FTF 121)

8. () Campuran eutektik ialah campuran serbuk-serbuk yang mencair kerana penyerapan air dari udara.
9. () Kapsul keras sangat sesuai untuk mengisi campuran serbuk yang bersifat higroskopik
(3 markah)
- (B) Terangkan apa dia hukum Stoke.
(2 markah)
- (C) Bincangkan bagaimana hukum ini boleh digunakan untuk memformulasikan satu sediaan ampaian yang stabil.
(4 markah)
- (D) Apakah perbezaan utama antara sediaan ampaian dan sediaan emulsi.
(2 markah)
- (E) Nyatakan empat cara yang boleh digunakan untuk menentukan jenis emulsi.
(4 markah)
- (F) Bincangkan kebaikan dan kelemahan sediaan dalam bentuk kapsul.
(5 markah)

.....4/-

II. (A) Berikan maksud untuk singkatan Latin berikut:

- (i) stat.
- (ii) m.s.a.
- (iii) aq.ad
- (iv) collut.
- (v) h.d.
- (vi) t.d.s.

(3 markah)

(B) Bandingkan sifat perbezaan di antara dasar supositori minyak tengkawang dan witepsol.

(4 markah)

(C) Apakah kelemahan pewarna sayuran? Berikan tiga contoh pewarna sayuran atau haiwan yang masih termasuk di dalam BPC.

(4 markah)

(D) Bincangkan prinsip-prinsip yang terlibat untuk mengatasi rasa yang tidak enak.

(9 markah)

III. (A) Bincangkan secara ringkas sifat dasar salap emulsi dan dasar salap terlarutkan-air. Huraikan kebaikan dan kelemahan tentang dasar salap terlarutkan-air itu.

(12 markah)

(B) Berikan definisi jeli farmaseutik. Huraikan berbagai jenis jeli yang digunakan di dalam bidang farmaseutik.

(8 markah)

oooOOOooo